SURAT PEMBERITAHUAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : 09/2026

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG

KERANI (MY D.1)

[BND12,420.00 – BND14,220.00 Setahun]

BAHAGIAN PENDIDIKAN

SURUHANJAYA TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KUALA LUMPUR, MALAYSIA

KEKOSONGAN = SATU (1)

Tarikh Buka Iklan: 08 OGOS 2026

Tarikh Tutup Iklan: 03 SEPTEMBER 2026

SYARAT-SYARAT AM:

1. Permohonan adalah dibukakan kepada semua warganegara, termasuk Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di- Pertuan Negara Brunei Darussalam serta individu dari negara lain yang memenuhi syarat kelayakan.

2. Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.

3. Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam. Bersedia menerima arahan melaksanakan tugas lain bila diperlukan.

4. Bagi pemohon yang terdiri dari Kakitangan Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan.

5. Berumur tidak kurang dari 21 tahun pada 3 September 2026.

6. Berkebolehan menggunakan Microsoft Office (Word, Excel, PowerPoint) dan sistem pengurusan pejabat serta celik teknologi maklumat (IT Literacy).

7. Berkebolehan berkomunikasi serta menulis dengan baik dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

8. Berpengalaman dalam pengurusan hal ehwal pentadbiran pelajar adalah satu kelebihan.

9. Mempunyai perwatakan etika kerja yang positif serta sentiasa berusaha bekerja dengan inisiatif sendiri.

KELAYAKAN MINIMUM:

Mempunyai kelulusan Higher National Technical Education Certificate HNTEC pada Tahap 4 dalam bidang Pentadbiran, Pengurusan, Sumber Manusia atau sebanding dalam bidang bersesuaian. Mempunyai sijil kursus berkaitan dalam perkeranian atau lain-lain adalah satu kelebihan.

ATAU

Telah berkhidmat di Kementerian Pendidikan sebagai Kerani atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1-2-3 EB.4-5 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

Telah berkhidmat dengan perkhidmatan Kerajaan sebagai Kerani atau jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tanggagaji D.1-2-3 EB.4-5 tidak kurang dari 5 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab dan melapor kepada Penolong Pengarah Pengajian.

2. Membantu Penolong Pengarah Pengajian / Ataci Pendidikan dalam menjawab pertanyaan pelajar, khususnya yang berkaitan dengan dengan hal ehwal pengajian, penghantaran barangan peribadi, pembelian tiket dan urusan penyewaan tempat tinggal.

3. Memantau proses pembaharuan visa dan pasport pelajar serta mengurus hal- hal berkaitan imigresen.

4. Menyelaras dan mengurus hal-hal pentadbiran serta kebajikan pelajar – pelajar di Malaysia.

5. Mengurus fail, dokumen dan rekod berkaitan dengan pelajar-pelajar serta hal-hal yang berkaitan dengan hal ehwal pelajar.

6. Mengurus tempahan hotel bagi pegawai-pegawai di bawah Kementerian Pendidikan yang menghadiri kursus, mesyuarat, seminar, jemputan dll.

7. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.

MAKLUMAN TAMBAHAN:

Pemohon yang berjaya hendaklah bersedia untuk:

(a) Menamatkan perkhidmatan dari perkhidmatan awam.

(b) Mencari dan menyewa tempat tinggal kediaman sendiri.

(c) Menggunakan kemudahan perjalanan ke tempat bertugas secara sendiri.

(d) Membuat permohonan dan pembayaran VISA kerja atas perbelanjaan sendiri.

(e) Mengambil insuran perlindungan peribadi atas perbelanjaan sendiri.

(f) Mendapatkan sijil perubatan atas perbelanjaan sendiri.

(g) Menguruskan potongan caruman KWSP dan PERKESO secara sendiri.

(h) Membuka akaun bank Malaysia bagi tujuan transaksi seperti gaji secara sendiri.

CARA PERMOHONAN / MAKLUMAN :

1. Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan KHAS dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur, Malaysia. Borang ini boleh diperolehi dari laman web: *www.moe.gov.bn*

2. Borang yang telah lengkap diisi beserta salinan dokumen seperti yang diperlukan hendaklah diemel *softcopy* (dalam format pdf) ke *education.kl@moe.gov.bn* beserta imbasan (scan) halaman pertama borang dengan gambar pemohon, sijil-sijil (disahkan salinan betul), CV, penilaian prestasi 3 tahun kebelakangan. (**TIDAK PERLU** hantar borang *hardcopy*).

3. Hanya pemohon yang disenarai pendekkan sahaja akan dihubungi untuk menjalani temuduga sama ada melalui platform digital atau secara bersemuka (bagi yang berkenaan sahaja).

4. Borang permohonan hendaklah lengkap dan dihadapkan **tidak lewat dari tarikh tutup iklan.** Borang permohonan yang diterima setelah tarikh tutup iklan dan tidak lengkap dengan sendirinya **tidak akan dilayan.**

TARIKH BUKA IKLAN : 24 SAFAR 1448 / 08 OGOS 2026
TARIKH TUTUP IKLAN : 21 RABIULAWAL 1448 / 03 SEPTEMBER 2026

Sekian, Wassalam.

"Contohi Akhlak Rasulullah Dalam Menanai Perintah Allah"

[DR. HAJI AZMAN BIN AHMAD]
Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Rujukan : KPE/JPB/A/2[SP.KP]
Tarikh : 20 Safar 1448H / 04 Ogos 2026M

s.k
Pejabat Menteri Pendidikan
Pejabat Timbalan Menteri Pendidikan
Pejabat Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras)
Pejabat Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap
Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi)
Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan
Pengarah Sekolah-Sekolah
Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan
Pengarah Perancangan dan Pengurusan Estet
Pengarah Pengajian Tinggi
Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah
Pengarah/ Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE)
Pengarah Pendidikan Kokurikulum
Pengarah Perkembangan Kurikulum
Pengarah Pengurusan Pendidik
Pengarah Politeknik Brunei
Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi
Pengarah Peperiksaan
Pengarah Pengurusan Biasiswa
Pengarah Pendidikan Swasta
Pengarah Pendidikan Khas
Pengarah Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat (L3C)
Pengarah Pusat Serantau SEAMEO-VOCTECH
Pendaftar dan Setiausaha Universiti Brunei Darussalam (UBD)
Pendaftar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Pendaftar dan Setiausaha Universiti Teknologi Brunei (UTB)
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat
Ketua Bahagian Perhubungan Antarabangsa
Ketua Bahagian Kaunseling
Strategic Education Planning and Development Unit (SEPaDU)
Ketua Pusat Teknologi Pendidikan (EdTech)
Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP)
Ketua Pusat Keusahawanan dan Inovasi (EIC)
Setiausaha Kerja Urus Setia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK)
Setiausaha Kerja Urus Setia Majlis Pelajaran Kebangsaan (MPK)